

**60 Peratus Mesyuarat Cawangan Umno Kedah Selesai  
Bernama  
6 Sept, 2013**

ALOR SETAR, 6 Sept (Bernama) -- Sebanyak 60 peratus daripada 2,200 cawangan Umno di Kedah telah selesai mengadakan mesyuarat perwakilan cawangan masing-masing.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah Datuk Othman Aziz yakin cawangan yang belum melakukan mesyuarat, akan menyelesaikannya sebelum 15 Sept, tarikh akhir mesyuarat peringkat cawangan perlu diadakan.

"Setakat ini mesyuarat berjalan dengan lancar dan tak ada apa-apa masalah besar, cuma ada sedikit masalah teknikal yang kecil. Kami ada jawatankuasa pemantau bagi melihat perjalanan mesyuarat itu," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

Othman berkata jika terdapat kes khas, cawangan yang gagal menyelesaikan mesyuarat itu, pihaknya akan melihat masalah yang dihadapi mereka serta membantu untuk menyelesaikan perkara itu dengan segera.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975678>